


DISCOVERY@LIB

Dear users,

UMPSA Library now offers a single search platform known as Discovery@Lib to help you find everything in one place – including our subscribed databases and internal library resources.

**One Search Box.
All Your Resources.**

**Discover It All with
Discovery@Lib!**



➡ Scan the QR code or visit the library portal to begin.



[General](#)

Perpustakaan UMPSA lancar perkhidmatan baharu pencarian maklumat sehenti Discovery@Lib

PEKAN, 3 Mei 2025 - Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah melancarkan perkhidmatan pencarian maklumat sehenti melalui platform [Discovery@Lib](#) yang merupakan alat untuk mengakses semua platform sumber elektronik melalui pencarian tunggal.

[Discovery@lib](#) merangkumi pangkalan data jurnal, buku elektronik, katalog *eFind* dan repositori UMPSA-IR.

Antara kandungan platform jurnal langganan adalah *ScienceDirect*, *SpringerNature*, *American Chemical Society (ACS)*, *ICE Virtual Library*, *IEEEExplore*, *Emerald Insight*. Manakala platform alat rujukan adalah *Scopus*, *Ebscohost* dan *Web of Science*.

Pelaksanaan projek itu mengambil masa selama empat bulan bermula Januari dan siap sepenuhnya pada hujung April dengan kerjasama pihak pembekal Ebscohost dan Perpustakaan UMPSA.

Platform ini dapat diakses melalui Portal Perpustakaan UMPSA di pautan:

<https://research.ebsco.com/c/chynlw/search/results>

ia telah diaktifkan pada 3 Mei 2025 untuk semua pengguna.

Menurut Ketua Pustakawan, Hajah Kamariah Gono, [Discovery@Lib](#) merupakan nilai tambah kepada perpustakaan kerana pengguna dapat memaksimumkan pencarian sumber rujukan elektronik yang ditawarkan dari pelbagai platform langganan pada satu tempat.

“Kebaikan [Discovery@Lib](#) ini ialah dapat menjimatkan masa pengguna, liputan sumber meluas untuk sesuatu subjek dan dari sumber yang sahih.

“Perpustakaan mengharapkan pengguna dapat menggunakan [Discovery@Lib](#) ini secara optimum supaya pelaburan yang diperuntukkan untuknya berbaloi selaras dengan manfaat fungsi platform tersebut,” ujarnya.

Disediakan Oleh: Noor Azura Omar, Mohd Ariffin Abdul Aziz, Zuriakartina Muda, Iswan Akim Ismail, Mohd Fakhrurrazi Adnan Dan Syed Mohd Faiz Syed Abdul Aziz, Perpustakaan UMPSA

- 81 views

[View PDF](#)

